

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

**MIMOS tawar ujian terancang**  
**18 Aug 2010**  
**Utusan Malaysia**  
**Ekonomi**  
**N/A**  
**Daily**  
**197,952 / 833,287**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

**Malay**  
**22**  
**226 cm<sup>2</sup>**  
**Full Color**  
**4,467**  
**13,400**



# MIMOS tawar ujian terancang

KUALA LUMPUR 17 Ogos – MIMOS Bhd. (MIMOS) menawarkan kemudahan ujian makmal terancang kepada syarikat-syarikat tempatan bagi membantu mereka mengeluarkan produk dan peralatan yang menepati piawaian antarabangsa,

Ujian itu dilakukan di Pusat Kecemerlangan MIMOS (CoE) yang pertama seumpamanya di Malaysia.

Pengarah Makmal Ujian MIMOS, Mohamed Redzuan Abdullah berkata, kemudahan yang menumpukan kepada pengujian perisian dan peralatan, mampu mengurangkan kos syarikat-syarikat berkenaan. memasarkan produk ke luar negara.

“Melalui ujian yang dilakukan di CoE MIMOS, usaha untuk mendapatkan pengiktirafan piawaian antarabangsa.

“Pengujian yang kami lakukan adalah strategi ujian yang komprehensif, pengurusan ujian dan jaminan kualiti bagi kebanyakan peralatan dan perisian,” kata beliau.

Mohamed Redzuan berkata demikian pada sidang akhbar selepas taklimat media mengenai CoE MIMOS di sini hari ini.

CoE MIMOS mempunyai makmal canggih seperti Makmal Ujian Sistem (System Test Lab), Makmal Boleh Guna (Usability Lab) dan Makmal Peralatan Dipercayai (Hardware Reliability Lab).

Makmal Ujian Sistem dan Makmal Boleh Guna membolehkan MIMOS menawarkan perkhidmatan khidmat nasihat dan ujian

saintifik dan menyeluruh.

Manakala, Makmal Peralatan Dipercayai adalah dikhaskan kepada analisis peralatan elektrik, fizikal dan mekanikal yang memenuhi piawaian

Persatuan Penarafan Antarabangsa (ISO), Majlis Peralatan Kejuruteraan Elektronik (JEDEC), Kementerian dan Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (IEC).

Tambah Ridzuan, setakat ini lebih 100 projek telah menjalani ujian di CoE MIMOS bagi pelbagai ujian termasuk prestasi, fungsi, keselamatan, kemampuan dan sebagainya.

“Ia termasuk analisis perbandingan dan kompetitif serta proses penanda aras keupayaan produk mengikut piawaian pasaran semasa.

“Setakat ini, kami telah menguji syarikat tempatan dan multinasional dan juga produk mereka yang berasaskan teknologi maklumat (IT) dan bukan IT. Lebih 100 projek yang telah dijalankan adalah setanding dengan makmal antarabangsa lain,” jelasnya.

Ridzuan menambah, MIMOS akan meningkatkan aktiviti promosi dan pemasaran bagi meningkatkan kemampuan makmal ujian yang terdapat di CoE MIMOS.

“Sekiranya mendapat sambutan menggalakkan dari syarikat tempatan dan luar negara, MIMOS turut berharap akan menambah peralatan makmal atau membesarkan kemudahan tersebut,” ujarnya.

Headline **MIMOS tawar ujian teranggih**  
Date **18 Aug 2010**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Ekonomi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **22**  
Article Size **226 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **4,467**  
PRValue **13,400**



**MOHAMED Redzuan menunjukkan alat pengujian teranggih milik MIMOS di Kuala Lumpur, semalam.**